



Jangan bawa Covid-19 balik kampung

Elak penularan kepada golongan berisiko seperti warga emas, ibu bapa dan ahli keluarga

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Jangan bawa jangkitan koronavirus (Covid-19) pulang ke kampung, tegas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Menurut beliau, individu yang berada di zon merah atau dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang pulang ke kampung merisikkan warga emas, ibu bapa dan ahli keluarga lain.

"Ada risiko kita membawa jangkitan kepada keluarga di kampung," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kes seorang jururawat dari Selangor yang pulang ke Kelantan dan didapati positif Covid-19.

Ia telah mengakibatkan negeri itu merekodkan empat jangkitan baharu termasuk bayi berusia 22 hari yang juga anak saudaranya.

Tiga mangsa lain ialah neleknya yang berusia 75 tahun, ibu serta adik kepada jururawat berkenaan.

Sebelum ini, jururawat pusat perubatan berkenna dilan-



DR NOOR HISHAM

porkan pulang ke kampung di Kuala Belah, Jeli bersama seorang rakannya pada Oktober lalu sebelum kembali semula ke Selangor.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, jumlah kes baharu Covid-19 di Malaysia semalam masih mencatatkan angka empat digit iaitu 1,009 kes menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan virus itu kini sebanyak 10,503 kes.

Beliau berkata, terdapat enam kes kematian direkodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 adalah sebanyak 277 kes manakala 78 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 28 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Lima kluster baharu dikenal pasti

KUALA LUMPUR - Sebanyak lima kluster baharu koronavirus (Covid-19) dikesan di Sabah, Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster pertama dikenali Kluster Sutera di Kota Kinabalu melibatkan dua kes indeks yang dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan sebelum pulang ke negara asal pada 29 Oktober lepas," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Menurutnya, kluster kedua dikenal pasti sebagai Kluster Ria-30 yang dikesan di Tuaran, Sabah dan kes dikenal pasti positif hasil saringan komuniti sejak 2 November.

"Kluster Tamar yang me-

rupakan kluster ketiga pula dikesan di Petaling, Selangor dengan saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 10 kes positif Covid-19.

"Kluster keempat membatikan bukan warganegara dikenali Kluster Intan di daerah Timur Laut, Pulau Pinang dan indeks bagi kluster ini dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan sebelum pulang ke negara asal pada 29 Oktober lepas," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Katanya, bagi kluster terakhir iaitu Kluster Danau di Kuala Lumpur, sebanyak lapan kes positif dikenal pasti daripada sejumlah 82 individu yang disaring. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

